☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 11/4/2012
Hari: RABU M/S: 2
Ruangan: SEMPENA PERTABALAN

Sejarah baharu kini tercipta

Oleh JAMLIAH ABDULLAH dan FAIZAH IZZANI ZAKARIA

TANGGAL 11 April 2012 sangat bersejarah apabila seluruh rakyat jelata amat berbangga kerana berpeluang meraikan detik bersejarah pemasyhuran Yang di-Pertuan Agong ke-14, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Tuanku Abdul Halim, 85, pada hari ini secara rasminya mewarisi kedudukan tertinggi pentadbiran sistem raja berperlembagaan diamalkan di Malaysia.

Baginda dilantik oleh Raja-Raja Melayu sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14, pada mesyuarat khas Majlis Raja-Raja, pada 14 Oktober tahun lalu bagi menggantikan Sultan Terengganu Tuanku Mizan Zainal Abidin yang tamat tempoh lima tahun sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-13.

Pelantikan untuk tempoh lima tahun mulai 13 Disember 2011, menjadikan baginda, Raja yang pertama menjadi Yang di-Pertuan Agong untuk kali kedua sekali gus mencatatkan satu lagi sejarah yang menjadi kebanggaan rakyat negara ini dan institusi raja.

Tuanku Abdul Halim turut berkenan menerima sijil pengiktirafan dari *Malaysia Book of Records* sebagai sultan pertama dilantik Yang di-Pertuan Agong buat kali kedua pada Februari lalu.

Istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong itu berlangsung di istana baharu yang tersergam indah di atas bukit di Jalan Duta, Kuala Lumpur dalam satu majlis penuh istiadat dan gilang-gemilang.

Istiadat pertabalan yang disaksikan sekali dalam tempoh lima tahun itu diadakan di Balairong Seri Istana Negara dan bukan sahaja menjadi tumpuan rakyat jelata malah dunia.

Begitu juga dengan pemasyhuran baginda ini, rakyat amat bertuah kerana memiliki seorang pemerintah yang sangat terkenal sebagai berjiwa rakyat, prihatin, aktif bersukan dan kerja-kerja kebajikan.

Diputerakan pada 28 November 1927 di Istana Anak Bukit, Alor Setar, Kedah, Tuanku Abdul Halim adalah anakanda ketiga Almarhum Sultan Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan Almarhumah Yang Mulia Tunku Sofia Tunku Mahmud.

Tuanku Abdul Halim memulakan zaman persekolahan rendah di Sekolah Melayu Alor Merah, Sekolah Melayu Titi Gajah dan Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar.

Sebagai putera raja yang sangat berhemah tinggi, Tuanku Abdul Halim terkenal dengan pemuturan yang lemah lembut dan bersopan santun.

Baginda merupakan pemerintah yang dididik daripada kecil dengan nilai-nilai pekerti dan tingkah laku yang tinggi berasaskan agama dan keduniaan.

Keperibadian baginda yang mesra dengan rakyat jelata sudah tersemai dalam jiwa sejak kecil terutama ketika menuntut di Kolej Sultan Abdul Hamid pada 1946 hingga 1949 Baginda pernah bersemayam di asrama sekolah tersebut dan bergaul dengan pelajar lain daripada pelbagai lapisan.

Lulusan Wadham College Oxford, United Kingdom dengan ijazah Sains Sosial dan Pentadbiran Awam, baginda pernah berkhidmat di Pejabat Daerah Kota Setar dan Pejabat Perbendaharaan Negeri dalam tahun 1950an.

Pengalaman itu menjadikan baginda cukup prihatin dengan perkembangan yang berlaku di negeri dan sentiasa memberi pandangan serta teguran kepada pucuk pimpinan demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat jelata.

Baginda dilantik menjadi Raja Muda Kedah pada 6 Ogos 1949 pada usia 21 tahun ketika masih berada di United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran.

Tuanku Abdul Halim menaiki takhta kerajaan negeri pada 14 Julai 1958 selepas kemangkatan ayahanda baginda dan kemudian ditabalkan sebagai Sultan Kedah pada 20 Februari 1959.

Pada 21 September 1965, Tuanku Abdul Halim dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong ke-4 bagi menggantikan Sultan Terengganu, Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin.

Pada mesyuarat Majlis Raja-Raja, Tuanku Abdul Halim dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-5 untuk tempoh dari 23 Julai 1970 hingga 21 September 1975.

Pada 13 Disember 2006, baginda sekali lagi dilantik Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Tuanku Abdul Halim juga menjalankan tugas sebagai Pemangku Yang di-Pertuan Agong selama sebulan iaitu pada 26 Januari hingga 26 Februari 2010 berikutan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin menjalani rawatan fisioterapi di Jerman.

Baginda pernah dilantik menjadi Kolonel Yang Dipertua Kor Peninjau Malaysia pada 23 Mac 1966 sehinggalah tarikh baginda dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-5.

Dengan pelantikan sebagai Yang di-Pertuan Agong, baginda juga menjadi Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.

Baginda telah dianugerahkan dengan pelbagai anugerah kehormat dan darjah kebesaran dari dalam dan luar negara antaranya *The First Class Order of Sacred Treasury* daripada Maharaja Hirohito Jepun pada 1970, Bintang Maha Putera Kelas Satu Indonesia (1970) dan *Order of Rammata* dari Thailand pada 1973.

Selain itu, Tuanku Abdul Halim turut dianugerahkan *Honourable Knight Grand cross of the Order of the Bath* dari United Kingdom pada 1974 dan *Associate Knight Order St. John* juga pada tahun sama.

Baginda turut dianugerahkan *The Longest-Reigning Monarch in Modern Malaysia* daripada Kolej Sultan Abdul Hamid sempena sambutan kolej itu yang ke-100 tahun pada 2008.

Tuanku Abdul Halim juga menaungi pelbagai institusi di negara ini termasuk dilantik sebagai Canselor Keenam Universiti Utara Malaysia dan juga menjadi Presiden Kelab Diraja Kedah, Persatuan Oxford dan Cambridge Malaysia, Persatuan Golf Kedah, Persatuan J.P. Kedah, Majlis Sukan dan Kebajikan Kerajaan Malaysia.

Tuanku Abdul Halim bertemu jodoh dengan Almarhumah Tuanku Sultanah Bahiyah Tuanku Abdul Rahman pada Mac 1956 di Istana Seri Menanti Negeri Sembilan.

Hasil perkahwinan diraja ini, Tuanku dikurniakan tiga puteri iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Soraya, Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Sarina dan Yang Teramat Mulia Tunku Puteri Intan Safinaz.

Sememangnya soal kebajikan dan kesejahteraan rakyat jelata sentiasa berada di senarai

> Pelantikan selama tempoh lima tahun mulai 13 Disember 2011, menjadikan baginda, Raja yang pertama menjadi Yang di-Pertuan Agong untuk kali kedua sekali gus mencatatkan satu lagi sejarah yang menjadi kebanggaan rakyat negara ini dan institusi raja.
>
> Tuanku Abdul Halim turut berkenan menerima sijil pengiktirafan dari *Malaysia Book of Records* sebagai sultan pertama dilantik Yang di-Pertuan Agong buat kali kedua pada Februari lalu.